



**PEJABAT TIMBALAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**KENYATAAN MEDIA**

**ELAK PULANG BERCUTI KAWASAN-KAWASAN BERISIKO BANJIR**

Laporan terkini kejadian bencana banjir yang dikeluarkan oleh Pusat Kawalan Bencana, Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) yang sehingga jam 8.00 malam hari ini merekodkan terdapat peningkatan kawasan dilanda banjir di beberapa daerah di Negeri Kelantan dan Terengganu dengan jumlah keseluruhan mangsa di kedua-dua negeri seramai 410 orang melibatkan 150 buah keluarga.

Beberapa kawasan di Negeri Kelantan iaitu Jeli, Tanah Merah, Machang dan Kuala Krai, serta di negeri Terengganu iaitu Besut, Setiu, Kuala Nerus, Hulu Terengganu, Dungun dan Kemaman kini berada pada tahap amaran bahaya akibat hujan berterusan di kawasan-kawasan tersebut.

Justeru, saya menggesa semua mangsa banjir yang dipindahkan ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) dan penduduk yang berada di kawasan berisiko agar mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa dari semasa ke semasa, bagi mengelak dan mengurangkan impak bencana terhadap nyawa dan harta benda.

Kepada orang ramai yang sedang bercuti akhir tahun dan merancang perjalanan ke kawasan-kawasan yang berisiko banjir, anda dinasihatkan agar membuat pertimbangan yang sewajarnya bagi mengelakkan berlakunya perkara yang tidak diingini seperti kemalangan, terkandas di kawasan banjir dan sebagainya

Saya juga ingin memberikan penghargaan kepada semua petugas pengurusan bencana yang sentiasa bersiap siaga dalam apa jua keadaan. Komitmen anda sebagai barisan hadapan dalam menguruskan bencana ini amatlah dihargai.

Orang ramai dinasihatkan untuk mendapatkan maklumat dan amaran semasa situasi banjir melalui laman web [publicinfobanjir.water.gov.my](http://publicinfobanjir.water.gov.my), facebook: PublicInfoBanjir dan twitter @JPS InfoBanjir. Bagi maklumat cuaca pula, orang ramai boleh muat turun aplikasi myCuaca untuk maklumat cuaca yang terkini dan sahih dari Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia). Juga maklumat di [portalbencana.nadma.gov.my](http://portalbencana.nadma.gov.my)

**Ahmad Zahid Hamidi**

Timbalan Perdana Menteri

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP)

29 Disember 2024